

17 MAY 2002

Mahathir-Amerika

MALAYSIA HARAP AMERIKA TAK CAMPUR TANGAN URUSAN DALAMANNYA

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berharap Amerika Syarikat tidak campur tangan dalam urusan dalamannya sebagaimana negara ini tidak suka campur tangan dalam urusan dalaman negara lain.

Perdana Menteri, sekembalinya dari lawatan tiga hari ke Amerika Syarikat, berkata Malaysia tidak mengharapkan sesuatu dari Amerika melalui kunjungannya ke negara tersebut melainkan untuk mewujudkan hubungan baik semata-mata.

"Seperti mana kita juga tidak suka campur tangan dalam urusan negara lain mereka juga jangan campur tangan dalam urusan negara kita," katanya pada sidang media setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) Sepang.

Belia berkata demikian ketika menjawab soalan sama ada berikutan hubungan Malaysia-Amerika sekarang bertambah baik hasil lawatannya, pentadbiran Bush tidak akan campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia seperti yang dilakukan oleh pentadbiran Amerika sebelum ini.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia sentiasa bersedia untuk bertukar-tukar maklumat berkenaan dengan usaha memerangi keganasan.

"Sementara kita sanggup bertukar-tukar maklumat, ia tidak bermakna apabila sesuatu menjadi urusan negara kita, kita akan serah kepada pihak lain itu diterima," katanya.

Semasa ditanya pendapatnya mengenai lawatan itu, Perdana Menteri berkata: "Dari segi saya telah dapat menyampaikan pandangan, Saya fikir ia satu kejayaan. Ia (pandangan) telah didengar, ia tidak ditolak. Mengikuti segi itu maka saya anggap ia satu kejayaan."

Katanya, beliau telah menyampaikan pandangan negara mengenai pelbagai isu seperti keganasan, keadaan di rantau ini dan masalah antarabangsa.

Dr Mahathir berkata Bush sanggup mendengar dan bersetuju dengan pendapatnya, khususnya mengenai isu berhubung pengiktirafan negara Palestin.

"Walaupun kita tahu parti Likud di Israel menolak penubuhan negara Palestin tetapi Bush nampak bertegas. Ini adalah satu kemajuan yang akan menyumbang kepada penyelesaian masalah di Asia Barat," katanya.

Menurutnya, Bush juga mengucapkan tahniah dengan kejayaan Malaysia menyelesaikan masalah di Myanmar dan menyatakan bahawa lain-lain pendirian Malaysia nampaknya tidak bercanggah dengan pendirian kerajaan AS.

Beliau berkata apabila pandangan negara berhubung banyak isu antarabangsa mendapat persetujuan banyak pihak termasuk negara-negara Islam, ia merupakan "moral booster" kepada negara.

"Kita buat ini bukan kerana kepentingan kita tapi atas dasar kita berpegang kepada keadilan kepada semua pihak. Pendirian kita adalah selesaikan masalah supaya dapat dikurangkan keganasan di dunia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau juga ada menyatakan keinginan negara untuk membeli jet pejuang Super Hornet yang menurutnya, AS mengatakan jet pejuang terbaru buatan mereka itu tidak pernah diluluskan kepada negara lain.

"Cadangan kita adalah untuk trade-in jet pejuang yang lama dengan yang baru kerana yang baru ini agak lebih superior dari yang lama. Itu cadangan kita, tetapi itu akan mengambil masa," katanya.

Menjawab soalan mengenai pandangan AS terhadap Iraq, Dr Mahathir berkata beliau tidak peduli sekiranya AS ingin meruntuhkan kerajaan

(Presiden) Saddam Hussein asalkan ia tidak menjadikan rakyat Iraq sebagai mangsa.

"Kita tahu rakyat Iraq menderita sedangkan Saddam Hussein tidak sedikitpun menderita daripada tekanan mereka (AS)," tambahnya.

-- BERNAMA

AZH FA AHH MOZ